



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2019/03/18 (HQ)

GLC DIGALAKKAN UNTUK LAHIRKAN LEBIH BANYAK PAKAR PENYELIDIK INDUSTRI TENAGA

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta digalakkan untuk melahirkan lebih ramai pakar-pakar penyelidik industri tenaga yang layak diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC), YB Isnaraissah Munirah Majilis berkata, antara contoh terbaik yang dilaksanakan TNB adalah melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Research Sdn Bhd (TNBR) yang sentiasa menyokong pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi.

“Pencapaian TNBR ini bukan sahaja memberi manfaat kepada industri tenaga, tetapi boleh dijadikan contoh terbaik kepada GLC lain, bahkan Syarikat-Syarikat swasta,” katanya berucap merasmikan Hari Terbuka TNB Research 2019 yang bertemakan ‘Energizing Research, Enlivening Innovation’ semalam.

Menurut YB Isnaraissah, usaha TNB ini turut menyokong kepada usaha-usaha MESTECC ke arah keupayaan inovasi negara di samping meningkatkan kadar pengkomersialan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Pada majlis tersebut juga, YB Isnaraissah telah merasmikan pelancaran empat buah buku terbitan TNBR yang menyokong kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan *Hulu Terengganu Hydroelectric Project – Towards Conservation of Biodiversity*, Dasar jaminan Kualiti Produk TNB, *TenagaPRO – Technology Guidebook 2019* dan Program Pengurusan Bencana Empangan Berteraskan Komuniti Secara Bersepadu.

Hari Terbuka TNB Research 2019 yang julung kali diadakan ini merupakan platform terbaik untuk semua pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, usahawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi idea dan hasil inovasi.

Latar Belakang TNB Research Sdn Bhd (TNBR)

- Ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh TNB pada 15 Mac 1993 sebagai TNB Research Development Sdn Bhd, yang kemudiannya ditukarkan ke TNB Research Sdn Bhd pada 27 Ogos 1999.
- TNBR diberi pentarafan 'R&D Status Company' oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dalam penggunaan dan pembangunan sains dan teknologi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi.
- TNBR turut dipertanggungjawabkan untuk mengkomersialkan harta-harta intelek kerana ianya mampu menjana *passive income* melalui pelaburan dan *technology transfer* yang lebih cepat.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Mac 2019, jam 11.45 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*